

**SULIT****3766/2****Perniagaan****Kertas 1****2026****1jam 15 minit****PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM****TAHUN 2026**

---

**PERNIAGAAN**

Kertas 1

Satu Jam Lima Belas Minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A,B,C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan dibenarkan*

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

**Jawab semua soalan**

1. Apakah kepentingan keuntungan kepada sesebuah perniagaan?
  - A Meningkatkan imej perniagaan
  - B Mengukuhkan kedudukan perniagaan
  - C Menambahkan pendapatan perniagaan
  - D Meningkatkan taraf hidup masyarakat
  
2. Gambar di bawah menunjukkan suatu bentuk pemilikan perniagaan.



Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut?

- |                   |                   |
|-------------------|-------------------|
| A Milikan Tunggal | B Syarikat berhad |
| C Perkongsian     | D Koperasi        |
- 
3. Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan AD Trading.

- Jumlah jualan tahunan sebanyak RM50 juta
- Bilangan pekerja tetap seramai 60 orang

Berdasarkan penyataan di atas, apakah kelebihan saiz perniagaan tersebut?

- A Kos overhead tinggi
- B Kos upah yang tinggi
- C Perniagaan yang lebih fleksibel
- D Perniagaan yang mengamalkan pengkhususan

4. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan sektor tertier?
- A Aiman menjalankan perniagaan ternakan ikan patin air tawar
  - B DMZ Sdn. Bhd. terlibat dalam industri pembinaan jambatan
  - C Pak Teh menghasilkan bahu menggunakan resepi warisan keluarga
  - D Azhad menjadikan ladang ternakan kambing boer-nya sebagai tempat kunjungan ramai
5. Antara yang berikut, yang manakah kelebihan perniagaan francais kepada francais?
- I Menikmati ekonomi bidangan
  - II Mengembangkan secara global
  - III Menanggung risiko kegagalan yang rendah
  - IV Mendapat sokongan pihak pengurusan
- |              |              |
|--------------|--------------|
| A I dan II   | B I dan IV   |
| C II dan III | D III dan IV |
6. Antara berikut, yang manakah kesan deflasi?
- I Membantutkan aktiviti perniagaan
  - II Penduduk kehilangan pekerjaan
  - III Kos pengeluaran meningkat
  - IV Pengawalan harga barang
- |              |              |
|--------------|--------------|
| A I dan II   | B I dan IV   |
| C II dan III | D III dan IV |
7. Apakah peranan pihak berkuasa Tempatan (PBT)
- A Menyediakan kawasan industri
  - B Memberi bantuan pembiayaan
  - C Mewujudkan pusat perniagaan
  - D Menjalankan aktiviti penyelidikan

8. Pasangan manakah yang betul.

|   | Pelepasan cukai        | Pernyataan                                                                                          |
|---|------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|
| A | Pengecualian cukai     | Syarikat yang menyertai promosi oleh kerajaan dan dikecualikan cukai selama lima tahun              |
| B | Elaun pelaburan semula | Perniagaan berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) dan berasaskan bahan mentah tempatan             |
| C | Pengecualian cukai     | Pengeksport barangan tempatan dan kadar potongan bergantung pada jenis perbelanjaan                 |
| D | Elaun cukai pelaburan  | Syarikat terlibat dalam aktiviti pengeluaran makanan dan pendapatan dilaburkan untuk pembelian aset |


9. Situasi berkaitan dengan peranan kerajaan dari aspek guna tenaga.

Ramai pekerja di pusat peranginan pulau kehilangan pekerjaan apabila tempoh tengkujuh menyebabkan pelancong berkurangan. Keadaan ini menyebabkan pendapatan mereka terjejas kerana hotel dan aktiviti pelancongan ditutup sementara.

Apakah pengangguran yang terlibat?

- |   |           |   |          |
|---|-----------|---|----------|
| A | Teknologi | B | Kitaran  |
| C | Struktur  | D | Bermusim |

10. Rajah berikut berkaitan dengan grid gaya pengurusan.



Antara berikut, manakah yang menunjukkan gaya pengurusan *laissez-faire* dan gaya pengurusan autokratik?

- |   |            |   |            |
|---|------------|---|------------|
| A | I dan II   | B | I dan IV   |
| C | II dan III | D | III dan IV |



11. Pernyataan manakah yang menerangkan tujuan visi dibentuk dalam sesebuah perniagaan?
- A Mendorong semua pihak memahami dan bekerjasama
  - B Mengagihkan sumber kepada setiap bahagian dalam organisasi
  - C Menjadi garis panduan menilai keperluan setiap unit
  - D Menggambarkan satu sasaran yang ingin dicapai secara khusus
12. Antara yang berikut, yang manakah kesan kepada perniagaan akibat kegagalan mencapai matlamat dan objektif
- A Keuntungan akan berkurangan
  - B Pengeluaran terpaksa dihentikan
  - C Perniagaan terpaksa ditutup sementara
  - D Menanggung kos akibat pentupan perniagaan
13. Maklumat berikut berkaitan dengan trend persekitaran perniagaan.

Encik Ahmad telah membuka sebuah Restoran Makanan yang menyajikan masakan kampung seperti asam pedas, gulai lemak cili api dan sebagainya. Beliau mempunyai beberapa pekerja yang rajin, mahir dalam pengurusan, dan kreatif

Apakah faktor dalaman dan luaran yang membawa perubahan persekitaran perniagaan bagi situasi tersebut.

|   | Faktor Dalaman | Faktor Luaran |
|---|----------------|---------------|
| A | Pemasaran      | Sosiobudaya   |
| B | Pengurusan     | Ekonomi       |
| C | Sumber manusia | Sosiobudaya   |
| D | Sumber manusia | Undang-undang |

14. Antara berikut, yang manakah bukti bahawa sesuatu perniagaan tu sedang mengalami pertumbuhan?
- A Pemilik mengubah lokasi perniagaan
  - B Pemilik meningkatkan bilangan pekerja
  - C Hasil meningkat dari semasa ke semasa
  - D Pemilik membawa masuk modal tambahan


15. Pilih pernyataan yang berkaitan dengan unsur faktor dalam organisasi

- |     |                                                                                  |   |            |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------|---|------------|
| I   | Syarikat Jati Sdn Bhd. memperkenalkan teknologi baharu dalam operasi pengeluaran |   |            |
| II  | Undang-undang baharu yang diluluskan akan meningkatkan kos operasi syarikat      |   |            |
| III | Para pekerja syarikat diberikan latihan untuk meningkatkan kemahiran             |   |            |
| IV  | Keadaan ekonomi meleset telah memberi kesan kepada jualan syarikat               |   |            |
| A   | I dan II                                                                         | B | I dan IV   |
| C   | II dan III                                                                       | D | III dan IV |

16. Antara yang berikut, manakah unsur input dalam proses pengeluaran?

- |     |           |    |             |
|-----|-----------|----|-------------|
| I   | Buruh     | II | Teknologi   |
| III | Usahawan  | IV | Barang siap |
| A   | I dan II  | B  | II dan III  |
| C   | II dan IV | D  | III dan IV  |

17. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu aplikasi teknologi maklumat dalam perniagaan



Apakah X ?

- |   |             |   |              |
|---|-------------|---|--------------|
| A | e-banking   | B | e-dagang     |
| C | e-pemasaran | D | e-government |

18. Apakah peranan katalog dalam sesuatu proses aliran barang dan perkhidmatan?

- |   |                                                                         |
|---|-------------------------------------------------------------------------|
| A | Membolehkan penjual menerima pesanan belian daripada pengguna           |
| B | Membolehkan penjual memujuk pengguna membuat keputusan pembelian        |
| C | Membolehkan pembekal bahan mentah menuntut bayaran daripada pengeluar   |
| D | Membolehkan pengguna mengetahui maklumat barang yang ditawarkan penjual |

19. Berikut berkenaan Puan Shamim seorang pemilik restoran

Puan Shamim menerima bahan mentah perniagaannya daripada pemborong Berkat Restu setiap 3 hari. Beliau membuat bayaran dengan menggunakan cek.

Puan Shamim terlibat dalam interaksi dengan

- |   |           |   |                 |
|---|-----------|---|-----------------|
| A | Bank      | B | Pembekal        |
| C | Pelanggan | D | Agensi kerajaan |

20. Apakah kepentingan yang diperoleh oleh peniaga yang berinteraksi dengan organisasi luar?

- I Menambah sumber perniagaan
- II Mewujudkan jaringan perniagaan
- III Mematuhi jadual pengeluaran yang ditetapkan
- IV Menggunakan dokumen perniagaan dengan cekap

- |   |            |   |            |
|---|------------|---|------------|
| A | I dan II   | B | I dan IV   |
| C | II dan III | D | III dan IV |

21. Maklumat berikut berkaitan dengan aspek pengelolaan sumber manusia.

Pegawai bomba sentiasa memakai baju keselamatan ketika bertugas memadamkan kebakaran.

Apakah aspek pengelolaan sumber manusia yang diamalkan?

- A Struktur organisasi
- B Penyelesaian masalah
- C Standard prosedur operasi tugas
- D Penempatan pekerja dan fasiliti



22. Maklumat berikut berkaitan dengan struktur organisasi dalam perniagaan.

- Diwujudkan berdasarkan kawasan pasaran yang menjadi fokus syarikat.
- Memerlukan sejumlah kakitangan yang besar di ibu pejabat.

A

Apakah struktur organisasi dalam perniagaan tersebut?

- A Struktur Organisasi Berdasarkan Fungsi  
 B Struktur Organisasi Berdasarkan Geografi  
 C Struktur Organisasi Berdasarkan Matriks  
 D Struktur Organisasi Berdasarkan Pelanggan

23. Situasi berikut berkaitan dengan faedah sistem penggajian sebuah perniagaan.

|          |                                                                                           |
|----------|-------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>R</b> | Membayar caruman majikan 13% dan caruman pekerja 11% setiap bulan.                        |
| <b>S</b> | Mengambil insurans pampasan pekerja bagi melindungi majikan daripada tuntutan pekerjanya. |

Apakah R dan S?

|   | <b>R</b>             | <b>S</b>             |
|---|----------------------|----------------------|
| A | Caruman KWSP         | Insurans Berkelompok |
| B | Caruman KWSP         | Caruman PERKESO      |
| C | Insurans Berkelompok | Caruman PERKESO      |
| D | Insurans Berkelompok | Caruman KWSP         |

24. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Syarikat Azzahra memastikan semua mesin jahit di kilang mereka diselenggara mengikut jadual yang ditetapkan.

Apakah tujuan utama perniagaan tersebut mengurus sumber fizikal berkenaan?

- A Melindungi nama baik perniagaan  
 B Mengelakkan pembaziran tenaga pekerja  
 C Menjamin hak cipta reka bentuk pakaian daripada ditiru  
 D Memastikan kelancaran produktiviti dalam operasi perniagaan




25. Antara berikut, yang manakah merupakan prosedur menguruskan sumber fizikal sebuah perniagaan?

- |     |                                 |   |            |
|-----|---------------------------------|---|------------|
| I   | Insurans kebakaran dan kecurian |   |            |
| II  | Pendaftaran paten dan hak cipta |   |            |
| III | Penyelenggaraan berkala         |   |            |
| IV  | Kelayakan perisian              |   |            |
| A   | I dan II                        | B | I dan III  |
| C   | II dan IV                       | D | III dan IV |

26. Klinik Dr Arissa telah berjaya mencipta perisian sistem pendaftaran pesakit yang sangat efisien. Apakah langkah yang perlu diambil oleh pihak klinik untuk menguruskan sumber teknologi tersebut mengikut prosedur yang betul?

- |   |                                                           |
|---|-----------------------------------------------------------|
| A | Membeli insurans perlindungan liabiliti awam              |
| B | Membuat penyelenggaraan fizikal pada komputer             |
| C | Mendaftarkan hak cipta terpelihara bagi perisian tersebut |
| D | Menyimpan perisian di dalam bilik kebal yang berkunci     |

27. Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan luaran.



Apakah Z?

- |   |          |   |             |
|---|----------|---|-------------|
| A | Syer     | B | Pajakan     |
| C | Overdraf | D | Pemfaktoran |

28. Maklumat berikut berkaitan jenis sumber pembiayaan

Institusi kewangan membeli invoice pada harga diskaun

Apakah jenis sumber pembiayaan tersebut?

- |   |             |   |          |
|---|-------------|---|----------|
| A | Pemfaktoran | B | Overdraf |
| C | Pajakan     | D | Syer     |

29. Pernyataan yang manakah merupakan kelebihan pembiayaan sewa beli kepada usahawan?
- A Jentera berkos tinggi mampu digunakan
  - B Kadar faedah tidak dicaj ke atas ansuran
  - C Wang pendahuluan tidak diperlukan semasa membeli
  - D Hak milik jentera diperoleh sebaik sahaja deposit dibayar
30. Antara berikut, yang manakah merupakan contoh kos berubah dalam perniagaan?
- A Harga mesin
  - B Sewa kilang
  - C Premium insurans
  - D Kos bahan mentah
31. Apakah fungsi Penyata Aliran Tunai kepada usahawan?
- A Menunjukkan penerimaan dan pembayaran perniagaan
  - B Membantu usahawan untuk menghadkan perbelanjaan semasa
  - C Menunjukkan kedudukan anggaran tunai pada masa depan
  - D Menjadi panduan kepada pihak bank untuk menuntut wang
32. Maklumat berikut diambil daripada Penyata Aliran Tunai Encik Amsyar yang bercadang memulakan perniagaan ternakan ikan air tawar pada 1 Januari 2026.

|                 | RM     |
|-----------------|--------|
| Modal:          |        |
| Tunai di tangan | 60 000 |
| Peralatan       | 21 000 |
| Pembayaran      | 93 600 |
| Kurangan        | 17 600 |

Berapakah jumlah penerimaan?

- A RM76 000
- B RM111 200
- C RM132 200
- D RM136 000



33. Antara yang berikut, manakah merupakan ciri-ciri usahawan?

- |     |                   |    |                      |
|-----|-------------------|----|----------------------|
| I   | Fleksibel         | II | Berani untuk gagal   |
| III | Mementingkan diri | IV | Kreatif dan inovatif |
| A   | I, II dan III     | B  | I, II dan IV         |
| C   | I, III dan IV     | D  | II, III dan IV       |

34. Maklumat berikut berkaitan dengan kekuatan diri usahawan.  
Apakah kekuatan diri usahawan tersebut?

- Bekerja dalam kumpulan
- Kemahiran berkomunikasi
- Membuat perancangan perniagaan

- A Fokus tenaga dan tumpuan  
B Kemahiran pembangunan karakter diri  
C Keupayaan membina jenama perniagaan  
D Menyelesaikan masalah kecil terlebih dahulu

35. Maklumat yang berikut berkaitan dengan salah satu kekuatan diri yang harus ada pada seseorang usahawan.

Perhubungan baik dengan pasangan

Kemahiran manakah yang dapat membantu seseorang usahawan untuk mencapai kekuatan berkenaan?

- A Kemahiran berkomunikasi  
B Kemahiran membuat keputusan  
C Kemahiran merancang perniagaan  
D Kemahiran bekerja dalam kumpulan

36. Pernyataan mana yang merujuk kepada maksud pemasaran?

- A Aktiviti jual beli barang untuk mendapatkan keuntungan  
B Aktiviti memujuk pengguna membeli produk  
C Aktiviti pertukaran hak milik produk antara penjual dengan pembeli  
D Aktiviti menyalurkan barang dan perkhidmatan daripada pengeluar kepada pengguna

37. Yang manakah di bawah adalah kos operasi perniagaan?

- |     |                    |    |              |
|-----|--------------------|----|--------------|
| I   | Sewa kedai         | II | Gaji pekerja |
| III | Bil elektrik kedai | IV | Perabot      |
| A   | I dan II           | B  | II dan III   |
| C   | I dan IV           | D  | III dan IV   |

38. Borang yang digunakan untuk pendaftaran untuk perniagaan baharu ialah

- |   |          |   |          |
|---|----------|---|----------|
| A | Borang A | B | Borang C |
| C | Borang B | D | Borang D |

39. Maklumat yang berikut berkaitan dengan salah satu kepentingan menyediakan rancangan perniagaan.

Merancang keperluan sumber perniagaan

Bagaimanakah kepentingan tersebut dapat membantu perniagaan?

- |   |                                     |
|---|-------------------------------------|
| A | Meramal dan menangani risiko        |
| B | Memperoleh sumber kewangan          |
| C | Beroperasi dengan lebih sistematik  |
| D | Menyediakan garis panduan hala tuju |

40. Mengapakah rancangan operasi penting dalam sesuatu rancangan perniagaan?

- |   |                                                              |
|---|--------------------------------------------------------------|
| A | Memberikan gambaran aktiviti pengeluaran produk              |
| B | Dapat menunjukkan pengagihan sumber tenaga kerja             |
| C | Dapat menjamin bahan mentah digunakan secara optimum         |
| D | Menunjukkan jumlah jualan yang bakal dicapai oleh perniagaan |

## KERTAS SOALAN TAMAT